

# **LAPORAN INTERIM**

**KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT BANDAR TERHADAP RUKUN TETANGGA DAN  
KEBERKESANANNYA DALAM MENINGKATKAN PERPADUAN (TERMASUK KAWASAN  
PERUMAHAN KOS RENDAH)**

**Disediakan Oleh:**

**Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)  
Universiti Putra Malaysia**

## RINGKASAN KAJIAN

### “KAJIAN PENERIMAAN MASYARAKAT BANDAR TERHADAP RUKUN TETANGGA DAN KEBERKESANANNYA DALAM MENINGKATKAN PERPADUAN (TERMASUK KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH)”

#### LATAR BELAKANG KAJIAN

Skim Rukun Tetangga (RT) mula diperkenalkan pada tahun 1975 melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975. Di awal pelaksanaannya, fungsi keselamatan telah diberikan penekanan ekoran tindakan-tindakan yang mengancam keselamatan negara oleh anggota komunis dan anasir subversif.

Pada masa kini peranan Rukun Tetangga di perluaskan lagi dengan pendekatan pembangunan komuniti bagi memastikan perpaduan dan keharmonian hubungan dalam kalangan masyarakat akan terus berkekalan dan berterusan.

#### OBJEKTIF KAJIAN

##### **Objektif Umum:**

Objektif umum kajian adalah untuk mengenalpasti penerimaan masyarakat terhadap Rukun Tetangga dan menilai keberkesanannya dalam meningkatkan perpaduan.

##### **Objektif Khusus:**

Secara spesifiknya, kajian bertujuan untuk:

- 1 Mengenalpasti tahap penerimaan masyarakat dari aspek minat, keprihatinan, dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- 2 Menentukan keberkesanan Rukun Tetangga dalam meningkatkan perpaduan berdasarkan konteks, input, proses dan produk.
- 3 Membuat perbandingan penerimaan dan keberkesanan Rukun Tetangga di antara anggota masyarakat berdasarkan lokaliti, etnik, jantina.
- 4 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan Rukun Tetangga.

## METODOLOGI KAJIAN

### Lokasi Kajian

Kajian telah dijalankan di empat (4) buah negeri iaitu negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Sebanyak 13 kawasan Rukun Tetangga aktif dan tidak aktif telah dikaji. Berikut adalah kawasan RT yang terpilih:

Negeri	Kawasan SRS
Selangor	Fasa Dinasty
	Taman Bidara A
	Pangsapuri Merak
Kuala Lumpur	Jinjang Selatan Tambahan
	Kepong Baru C
	Taman Beringin
Pulau Pinang	Padang Tembak B
	Taman Tun Sardon A
	Kg Damai
Johor	Taman Johor Jaya
	Zon Perwira Taman Ungku Tun Aminah
	Perjiranan 8
	Kg Manis

Jadual 1: Taburan Lokasi Kajian

### Populasi dan Sampel Kajian

- Populasi kajian terdiri daripada anggota komuniti yang berada di dalam kawasan Rukun Tetangga yang terpilih.
- 423 responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak kelompok (berdasarkan kaum).
- Pemilihan responden adalah berdasarkan taburan etnik iaitu 5:4:1 (Melayu:Cina:India).
- Kaedah *drop and pick up* iaitu borang soal selidik telah diserahkan kepada pengerusi RT untuk di agih-agihkan kepada anggota komuniti

### Kaedah Pengumpulan Data

3 kumpulan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) telah dilaksanakan bagi setiap jenis kawasan perumahan terpilih. Setiap kumpulan FGD terdiri daripada 6 hingga 8

orang AJK RT. Data dikumpul secara temubual oleh enumerator terlatih menggunakan borang soal selidik.

### **Analisis Data**

Statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data kuantitatif dan di mana bersesuaian statistik inferensi digunakan. Analisis dijalankan menggunakan perisian SPSS.

## **LAPORAN INTERIM KAJIAN**

Majoriti responden yang terlibat adalah lelaki iaitu sebanyak 59.8 peratus. Dari segi bangsa pula, lebih ramai responden yang terlibat adalah berbangsa Melayu (59.1%), diikuti dengan bangsa Cina (27.0%), India (13.6%) dan lain-lain sebanyak 0.2 peratus. Jika dilihat dari segi agama pula, sebanyak 61.1 peratus daripada responden adalah beragama Islam, 20.5 peratus beragama Buddha, 11.1 peratus beragama Hindu, 7.0 peratus beragama Kristian dan lain-lain (0.2%). Responden juga ditanya mengenai taraf perkahwinan mereka. Kebanyakan responden yang terlibat telah berkahwin iaitu sebanyak 78.2 peratus, 18.7 peratus masih bujang, 2.6 peratus telah kematian pasangan dan 0.5 peratus telah bercerai.

Kajian mendapati bahawa majoriti responden menyedari tentang kewujudan Rukun Tetangga ini. Daripada keseluruhan jumlah responden ini, sebanyak 31.5 peratus adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa induk, 23 peratus sebagai ahli jawatankuasa kecil dan 45.5 peratus adalah ahli jawatankuasa cawangan.

## **KESIMPULAN**

Secara umumnya, ahli masyarakat menerima baik kewujudan Rukun Tetangga. Mereka bersetuju bahawa Rukun Tetangga boleh memainkan peranan dalam menyatupadukan kaum.